

30 JUN 1997

Hong Kong-Visa

MALAYSIA KAJI SEMULA PENGGUNAAN VISA UNTUK PELANCONG HONG KONG

Oleh: Tham Choy Lin

HONG KONG, 30 Jun (Bernama) -- Malaysia akan mengkaji semula keputusan mengenakan visa terhadap pelancong Hong Kong apabila tanah jajahan itu dikembalikan kepada China, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri telahpun bersetuju supaya peraturan itu dikaji semula dan ia akan dilakukan secepat mungkin, kata Abdullah kepada pemberita selepas mengunjungi bakal Ketua Eksekutif Hong Kong Tung Chee Hwa di sini hari ini.

"Saya telah memberitahu Tung bahawa Malaysia tidak pernah berhasrat memberikan sebarang bentuk isyarat menunjukkan kita tidak yakin dengan Hong Kong. Malah Malaysia mengucapkan tahniah kepada Hong Kong atas kejayaan rundingan mendapatkan kemerdekaan daripada British dan turut gembira bersama mereka," katanya.

Abdullah berkata beliau telah berbincang dengan Dr Mahathir, yang sedang bercuti di London, mengenai perkara itu melalui telefon malam tadi selepas mendapat maklumbalas daripada Pesuruhjaya Malaysia Zakaria Sulong mengenai keadaan di sini dan perasaan pentadbiran Hong Kong.

Beberapa ahli perniagaan Malaysia turut menemui beliau mengenai perkara itu selepas beliau tiba di sini sebagai wakil Malaysia pada majlis penyerahan itu yang dijadualkan tengah malam ini.

Visa yang akan dikenakan kepada semua pelancong Hong Kong mulai 1 Okt selepas tempoh tiga bulan itu, merupakan topik utama perbincangan antara Abdullah dan Tung.

Ketika ditanya mengenai maklumbalas daripada ahli-ahli perniagaan berhubung peraturan itu, Abdullah berkata mereka merasa bimbang dan berpendapat ia mencerminkan perasaan kurang yakin terhadap penyerahan semula Hong Kong kepada China.

Keperluan penggunaan visa ini dijangka akan memberi kesan terhadap kedatangan pelancong Hong Kong ke Malaysia yang kini berjumlah 100,000 orang setahun.

Abdullah berkata sepanjang pertemuan 15 minit itu, Tung melahirkan rasa gembiranya kerana Malaysia turut menghantar wakil bagi meraikan sambutan yang begitu penting bagi penduduk Hong Kong yang bebas daripada penjajah British.

Katanya Tung yang akan mengangkat sumpah esok yakin mengenai masa depan Hong Kong dan penyertaan dalam negara China di bawah prinsip "satu negara, dua sistem".

Tung turut berharap Malaysia akan terus memberi sokongan dan mempertingkatkan lagi hubungan bersama, kata Abdullah.

"Hubungan ini sentiasa menjadi perhatian Malaysia dan akan terus disambung dalam apa jua bentuk termasuk hubungan ekonomi yang diperolehi sepanjang tahun ini.

"Rakyat Malaysia mendapat keuntungan daripada perdagangan dan pelaburan di Hong Kong atau di Malaysia," kata Abdullah.

Pada masa ini rakyat Hong Kong yang memegang pasport Kebangsaan British (Luarnegeri) dan dokumen perjalanan Warganegara Jajahan British boleh memasuki Malaysia.

Visa diperlukan bagi pemegang Sijil Pengenalan (penduduk yang telah menetap lebih daripada tujuh tahun) dan pemegang Dokumen Pengenalan (kurang daripada tujuh tahun).

Pemerintahan baru Hong Kong mulai 3 Julai ini akan mengeluarkan pasport kepada 5.5 juta penduduk tetap di bawah Pentadbiran Wilayah Khas Hong Kong

(HKSAR).

Sehingga 26 Jun, 33 negara bersetuju untuk tidak mengenakan visa bagi pemegang pasport HKSAR. -- BERNAMA

TCL MS AHH